

Dr. Mahathir optimis pelaburan Malaysia

BANTING, Khamis.—Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan hari ini, bahawa Kerajaan akan berusaha bersungguh-sungguh bersama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Jabatan-jabatan yang berkenaan menyediakan kemudahan asas di kawasan-kawasan perindustrian di seluruh negara.

Kerajaan sedar tanpa kemudahan asas seperti bekalan elektrik yang mencukupi usaha Kerajaan untuk menyelerakkan perusahaan di negara ini akan gagal, katanya di upacara perasmian kilang Nec Malaysia Sendirian Berhad di

Teluk Panglima Garang dekat sini, hari ini.

Ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Encik Abdul Manan Othman.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, beliau sedar ada setengah kilang perusahaan menghadapi berbagai masalah terutama kekurangan bekalan tenaga letrik.

Timbalan Perdana Menteri merasa bangga kerana Nec sanggup melaburkan \$14 juta di dalam projek tersebut dan akan ditambah menjadi \$17

juta pertengahan tahun ini.

Beliau juga merasa bangga kerana Malaysia merupakan salah satu pengeluar 'semi conductor' yang terbesar di dunia.

Beliau yakin Malaysia akan dapat meningkatkan kedudukannya itu memandangkan minat beberapa buah syarikat besar di Amerika Syarikat untuk melabur modal di sini.

■ **TIMBALAN** Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Encik Abdul Manan Othman sedang meneliti melalui mikroskop sejenis alat elektronik yang dikeluarkan oleh Syarikat Nec untuk dieksport ke luar negeri.

